

KEPERLUAN MEWUJUDKAN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN INDUSTRI MELALUI JARINGAN DAN KOLABORASI SECARA BERKESAN SEBAGAI SALAH SATU USAHA UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN YANG BERKUALITI DAN MEMPUNYAI KEMAMPUAN PASARAN YANG TINGGI.

Oleh :
Rosita Binti Zainal
Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Merlimau Melaka

PENGENALAN

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memainkan peranan yang sangat besar dalam pembangunan modal insan di negara ini. Selain menyediakan peluang pengajian berkualiti, KPT juga komited untuk melahirkan graduan berpengetahuan, berinovatif, serta mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi dan dapat mengaplikasikan ilmu mereka di dalam dunia pekerjaan sebenar. Hal ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang meletakkan kebolehpasaran graduan sebagai agenda kritikal yang perlu dilaksanakan dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 75% graduan akan memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan kelayakannya dalam tempoh 6 bulan setelah menamatkan pengajian.

Masalah kebolehpasaran graduan perlu ditangani dengan segera supaya tidak berlaku lambakan graduan politeknik yang menganggur. Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik telah mensasarkan agar pihak Politeknik meningkatkan kerjasama dengan pihak industri dengan mencontohi negara Jerman yang melaksanakan skim "apprenticeships". Pada tahun 2020 Jabatan Pengajian Politeknik mensasarkan politeknik akan berupaya menghasilkan graduan berkualiti yang relevan dengan keperluan guna tenaga negara dan mempunyai kolaborasi jaringan yang luas dengan pihak industri. Antara langkah kerjasama yang boleh diambil oleh Jabatan Pengajian Politeknik dan industri ialah bersama-sama membangunkan standard kurikulum supaya ianya berwibawa dan memenuhi keperluan industri. Dengan langkah ini politeknik di harap akan dapat melahirkan seorang graduan yang benar-benar memenuhi citarasa pihak majikan, tanpa perlu dilatih semula atau diberikan latihan tambahan.

Pasaran kerja dewasa ini lebih bersifat dinamik ekoran berlakunya perubahan yang pesat dalam penggunaan teknologi termaju dan kepelbagaian keperluan oleh pihak majikan. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai isu dalam pasaran kerja dan dirumitkan lagi oleh prestasi ekonomi negara semasa yang agak sederhana dan ekonomi dunia yang tidak menentu. Penciptaan peluang pekerjaan baru yang perlahan dilihat tidak seiring dengan limpahan graduan dalam pasaran kerja. Keadaan ini telah mewujudkan persaingan di kalangan graduan dan meningkatkan masalah pengangguran, malah ada di kalangan mereka yang terpaksa menerima apa saja tawaran kerja yang diberikan oleh majikan yang mana kadang-kadang tidak setimpal dengan kelulusan yang dimiliki. Graduan sekarang tidak boleh alpa dan mengambil mudah mengenai persaingan sengit hasil era globalisasi ini. Mereka tidak boleh lagi bergantung hanya semata-mata kepada penguasaan mereka dalam mata pelajaran teori sahaja seperti kejuruteraan, matematik, sains, teknologi, ekonomi, perniagaan, geografi, pengetahuan am global dan lain-lain sahaja. Malahan memerlukan juga kemahiran-kemahiran lain seperti kreativiti, inovasi, penguasaan pelbagai bahasa, komunikasi dan analitikal serta kemahiran dalam bidang-bidang lain sebagai nilai tambah.

KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Merujuk kepada kertas konsep Daya Saing Graduan Lulusan Tempatan (IPT) oleh institut Penyelidikan Tinggi Negara (IPPTN), kebolehpasaran didefinisikan sebagai kemahiran atau kebolehan yang dimiliki oleh para graduan yang membuatkan bakal majikan berminat untuk menawarkan pekerjaan kepada mereka (menggunakan ubah suai daripada Macmillan English Dictionary, 2002). Dalam konteks ini, kebolehpasaran perlu meliputi unsur-unsur seperti:-

- a. keserasian/kesetujuan/bersesuaian, iaitu kebolehan membangunkan bentuk penyelesaian yang serasi dengan budaya dan matlamat kerja;
- b. Kefleksibelan (flexibility), iaitu kebolehan menyediakan khidmat kerja yang sesuai dan sepadan dengan projek atau tugas yang sedang dijalankan;
- c. Kebolehpercayaan (reliability), iaitu dapat bersifat responsif kepada keperluan majikan dan pelanggan, menepati masa dan sasaran kerja; dan
- d. Kepekaan (sensitivity) iaitu dapat menjalankan pendekatan kerja yang menepati nilai sebenar kerja yang diperlukan oleh majikan, seperti pendekatan bermaklumat, keberkesanan kos (cost effectiveness) dan sebagainya.

Perkembangan pesat yang berlaku dalam bidang sains dan teknologi, sosio ekonomi serta politik dunia adalah di antara faktor yang merubah bentuk lanskap pekerjaan dan tahap kemahiran yang diperlukan untuk sesuatu pekerjaan. Dalam zaman teknologi ini adalah bertambah sukar untuk diramalkan jenis dan bentuk pekerjaan yang akan wujud pada masa hadapan dengan tepat. Oleh itu graduan tidak boleh lagi hanya bergantung kepada satu kemahiran sahaja tetapi memerlukan lain-lain kemahiran yang akan memberikan nilai tambah.

Jika dilihat fenomena yang berlaku hari ini, walaupun graduan mempunyai keputusan yang cemerlang dalam akademik tetapi mereka tidak mampu berhujah mahu pun mengeluarkan pemikiran yang bernas mengenai pelbagai isu. Selain sukar menguasai Bahasa Inggeris dengan baik, cara berkomunikasi graduan-graduan juga tidak dapat menyakinkan syarikat-syarikat terlibat. Cara mereka memberi penjelasan menunjukkan pengetahuan mereka hanya terbatas kepada sesuatu perkara sahaja dan gagal memberi jawapan yang menarik mengenai sumbangan yang dapat mereka berikan terhadap syarikat yang dipohon.


Faktor luar yang turut menyumbang ke arah peningkatan pengangguran adalah faktor ekonomi, peningkatan bilangan institusi pendidikan tinggi samada awam atau swasta, kebanjiran graduan di dalam pasaran kerja dan kegagalan graduan menyesuaikan diri dengan kehendak pasaran kerja semasa. Kajian mengenai sebab-sebab berlakunya pengangguran di

kalangan graduan telahpun banyak dibuat. Antara rumusan yang mengaitkan pengangguran graduan adalah seperti berikut:

- Pertalian antara kadar pertumbuhan ekonomi dengan penawaran graduan;
- Model pertumbuhan ekonomi yang berintensifkan modal;
- Pertambahan mendadak jumlah tenaga kerja graduan;
- Kurangnya jalinan antara institusi pendidikan dengan pihak industri;
- Kurangnya latihan untuk persediaan pekerjaan;
- Peningkatan mendadak jumlah penduduk dan penurunan kadar kematian;
- Perkembangan pesat dalam pendidikan;
- Kemelesetan ekonomi;
- Kualiti pendidikan dan kebolegunaan tenaga graduan;
- Keterampilan dan kemahiran graduan dalam aspek-aspek tertentu seperti penguasaan bahasa kedua dan ketiga serta kemahiran berkomunikasi.

Hasil daripada kajian pengesanan graduan politeknik (Rajah 1) menunjukkan bahawa hanya 26.3% graduan politeknik yang tidak berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian. Faktor-faktor yang dikenalpasti menyumbang kepada masalah ini adalah seperti berikut:

- Kurang kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.
- Sistem pengajian kurang membentuk kemahiran graduan berbahasa Inggeris.
- Kurang keyakinan diri untuk berinteraksi.



Rajah 1: Pencapaian Graduan Politeknik (KPG 2006, 2007 & 2008)

Teknologi yang sentiasa berkembang banyak mempengaruhi corak kehidupan manusia samada di tempat kerja mahupun di rumah. Teknologi telah merubah suasana kerja, cara melaksanakan kerja, cara berfikir dan lain-lain lagi. Jadi keperluan pendidikan perlulah juga sentiasa berubah dari masa ke semasa, supaya negara tidak akan ketinggalan dalam perkembangan teknologi. Penggunaan teknologi terkini seiring dengan perubahan yang berlaku memberikan kesan yang besar kepada dunia pekerjaan. Dunia pekerjaan yang berubah secara langsung akan memberi kesan kepada penyediaan modal manusia yang bersesuaian. Pekerja berpengetahuan (*k-workers*) menjadi pilihan majikan untuk menggerakkan perniagaan seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Kesan perkembangan sejagat dalam industri dan sektor pekerjaan menggambarkan peningkatan permintaan tenaga kerja bukan sahaja yang memiliki berkeelayakan akademik dan teknikal malah yang mempunyai kemahiran "*employability*" (Ahmad Muhaimin, Jamalludin & Baharudin, 2008).

Falsafah pendidikan negara dengan jelas telah mengutarakan sembilan cabaran kearah Wawasan 2020. Cabaran yang ke enam dengan jelas menyatakan keperluan memberi keutamaan kepada penggunaan teknologi dalam pendidikan. Memiliki ilmu dan kemahiran semata-mata tanpa dipupuk nilai-nilai murni tidak cukup untuk membina modal insan yang berkualiti di kalangan para pelajar institusi pengajian tinggi negara. Graduan sekarang tidak boleh alpa dan mengambil mudah mengenai persaingan sengit yang wujud hasil era globalisasi ini. Menyedari hakikat inilah, KPT telah menjadikan pembinaan modal insan sebagai agenda utamanya dalam usaha memperkasakan institusi pengajian tinggi negara.

KPT telah menggariskan tujuh pendekatan efektif dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan iaitu; latihan secara formal, latihan secara tidak formal, program keusahawanan, perkongsian pintar bersama industri, latihan praktikal di peringkat antarabangsa, menyemai nilai positif dan program mobiliti pelajar. Pihak industri dan majikan akan melihat semua kriteria itu untuk memastikan graduan mampu bersaing dalam pasaran yang semakin mencabar. Penambahbaikan bagi menyerapkan kriteria ini perlu dilakukan secara berterusan untuk memastikan politeknik mampu mengeluarkan graduan yang seimbang, berilmu, berkeperibadian kukuh dan berterampilan dalam pelbagai bidang.

KERJASAMA DALAM PEMBENTUKAN MODAL SUMBER MANUSIA

Aset yang paling berharga bagi sesebuah negara adalah warganya. Modal insan merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambahannya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Menurut Schultz (1963), peningkatan pendidikan dan latihan serta peluasan tenaga manusia yang lebih produktif dalam kalangan pelajar merupakan suatu pelaburan modal manusia. Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Bersesuaian dengan kehendak industri serta pasaran semasa dan masa hadapan, pembangunan modal insan perlu dirancang dengan rapi agar dapat meningkatkan bina upaya generasi muda Malaysia ke arah melahirkan guna tenaga yang terlatih dan berdaya saing, sepadan dan mencukupi dengan keperluan negara pada tahun 2020 nanti. Pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Modal insan yang ingin dihasilkan perlu mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah.

Menurut Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi "Modal insan yang berkualiti adalah satu kemestian, bukan lagi satu kemewahan, kerajaan dan rakyat harus bersama-sama mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen. Pendidikan dan latihan kemahiran berkualiti yang berterusan juga akan memastikan modal insan negara kekal

relevan dengan kehendak industri dan pasaran semasa serta mampu berdepan dengan cabaran dan suasana persaingan antarabangsa yang kian meningkat.”

Menurut beliau sudah banyak syarikat tempatan seperti Petronas, Telekom, Khazanah Nasional dan MISC yang telah beroperasi di luar negara. Operasi mereka memerlukan pendekatan dan kemahiran yang berbeza daripada dahulu. Malahan banyak syarikat multinasional yang beroperasi di sini termasuk dari Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan bermutu bagi memacu operasi dan perniagaan mereka.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), KPT juga telah meletakkan latihan graduan sebagai agenda kritikal yang perlu dilaksanakan dan mencapai sasaran sekurang-kurangnya 75% graduan memperoleh pekerjaan yang sesuai dalam tempoh 6 bulan setelah menamatkan pengajian. KPT juga telah menjadikan kebolehpasaran graduan sebagai salah satu “National Key Area” Kementerian. Bagi merealisasikan agenda ini, pihak politeknik telah mengambil langkah-langkah proaktif dengan memperkukuhkan jalinan kerjasama dengan pihak industri dengan melaksanakan program-program “employability” graduan yang mampu memberi nilai tambah kepada mereka untuk meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan.

Graduan perlu berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi (berfikir analitikal dan kritikal, berupaya menyelesaikan masalah dan penaakulan), menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan serta celik teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan dan mampu untuk memberi sumbang bakti kepada masyarakat, negara dan dunia. Matlamat KPT adalah untuk memastikan bahawa:-

- Graduan memperoleh pekerjaan yang sesuai.
- Graduan boleh menjadi usahawan dan mewujudkan peluang pekerjaan.
- Graduan yang memiliki kompetensi yang tinggi.
- Graduan institusi pengajian tinggi berkualiti yang mempunyai nilai tambah dari segi kemahiran insaniah yang memenuhi kehendak pasaran.

KERJASAMA STRATEGIK DENGAN INDUSTRI

Kerjasama strategik dengan industri/agensi/syarikat dijangka mampu meningkatkan peluang graduan mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian. Sebagai contoh, jika seseorang graduan mempunyai kelulusan tidak hanya dalam satu bidang tertentu sahaja ataupun mempunyai pengetahuan atau kemahiran yang lain, maka ini sudah tentu akan meningkatkan kebolehpasarannya. Pihak politeknik dan pihak industri/syarikat perlu bersama-sama berganding bahu dalam membekalkan maklumat dan ilmu bagi membantu graduan supaya lebih bersedia terhadap keperluan masa kini. Kerjasama strategik yang dijalankan dengan pihak industri dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:

- Program “Finishing School” dan
- Program bersama industri.

Program “Finishing School”

Program ‘Finishing School’ juga memberi penekanan kepada kemahiran berkomunikasi, pengukuhan jati diri dan kemahiran pengurusan. Ia adalah bertujuan untuk memberi nilai tambah kepada graduan bagi menceraikan peluang mereka dalam menempuh realiti persaingan pekerjaan. Program “Finishing School” juga dapat memupuk nilai insaniah dan kerohanian, menyediakan kemahiran keusahawanan dan daya kepimpinan kepada graduan. Program ini terbuka kepada semua graduan untuk turut serta bagi memperoleh kemahiran secara ‘hands-on’ dalam bidang industri.

Program “Finishing School” ini juga bukan sahaja menguruskan pelajar semasa masih menuntut tetapi juga selepas mereka tamat pengajian. Untuk memastikan kejayaan program ini maka perlu ada minimum standard yang benar-benar boleh memainkan peranan berkesan untuk menjayakan seseorang graduan. Program ini telah dilancarkan pada tahun 2006 dengan matlamat memberi nilai tambah dan menyediakan peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pentauliah profesional. Dalam program ini pihak politeknik akan menjalin kerjasama dengan pihak industri yang mempunyai kelayakan persijilan profesional di mana graduan yang mengikuti program ini akan memperoleh sijil yang diiktiraf oleh badan-badan profesional. Menurut KPT, sehingga Mei 2009, seramai 8000 graduan ICT & kejuruteraan telah mengikuti program ini. Hasil daripadanya 90% peserta telah mendapat pekerjaan dalam bidang ICT di syarikat multinasional.

Program kebolehpasaran adalah terdiri daripada kluster Diploma++ dan kluster “Finishing School” yang dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik dan Politeknik Merlimau. Program diploma++ bermaksud selain daripada pelajar mendapat diploma dalam bidang masing-masing, mereka juga akan memiliki sijil dalam bidang profesional sebagai nilai tambah kepada diri mereka. Contoh program pentauliah profesional bersijil adalah seperti Java Certified, CCNA, CompTIA++ dan lain-lain lagi yang diiktiraf oleh badan bertauliah dan profesional dalam bidang-bidang berkaitan.

Di antara program “finishing school” yang telah dijalankan oleh politeknik ialah program Six-Sigma. Six Sigma ialah strategi penerapan yang diciptakan oleh DR. Mikel Harry dan Richard Schroeder yang disebut sebagai “The Six Sigma Breakthrough Strategy”. Strategi ini merupakan kaedah sistematik yang menggunakan pengumpulan data dan analisis statistik untuk menentukan sumber-sumber variasi dan cara-cara untuk menghilangkannya. Kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh Six Sigma berbanding dengan kaedah lain adalah:

- Six Sigma jauh lebih terperinci daripada kaedah analisis berdasarkan statistik. Six Sigma dapat diterapkan di dalam apa-apa sahaja bidang perniagaan bermula dari perencanaan strategi sampai ke pengoperasian hingga perkhidmatan pelanggan.
- Six Sigma sangat berpotensi diterapkan pada bidang pekerjaan atau bukan pembuatan disamping bidang teknikal.
- Dengan Six Sigma dapat difahami sistem dan variabel mana yang dapat diselia dan direspon balik dengan cepat.
- Six Sigma sifatnya tidak statik.

Salah satu kunci kejayaan Six Sigma adalah kerja berpasukan. Alat-alat yang digunakan dapat memberikan kekuatan pada proses usaha pembaikan dan usaha pembelajaran.

Program Latihan Industri

Program bersama industri pula adalah seperti program sangkutan industri bagi pensyarah, latihan industri pelajar, ceramah industri (pensyarah jemputan), mengadakan sesi dialog bersama industri, karnival kerjaya, seminar, panel penilai projek dan lain-lain lagi.

Latihan industri adalah merupakan salah satu daripada bentuk kerjasama di antara politeknik dan pihak industri/organisasi yang telah terbentuk sekian lama. Pelajar di tempatkan di organisasi/syarikat yang berkaitan dalam jangka masa yang ditetapkan untuk mendapatkan pengalaman sebenar dengan mempraktikkan apa yang dipelajari di politeknik. Ia merupakan salah satu daripada program kurikulum pendidikan politeknik di Malaysia. Semua pelajar politeknik adalah diwajibkan untuk menjalani latihan industri di sektor swasta ataupun kerajaan. Pelajar disyaratkan lulus latihan industri sebelum ianya diperakukan untuk penganugerahan Sijil atau Diploma Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi.

Matlamat latihan industri ialah untuk membolehkan pelajar mendapat pengalaman di organisasi/syarikat yang berkaitan selaras dengan hasrat untuk melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran bagi memenuhi keperluan semasa negara.

Semasa menjalani latihan industri pelajar berpeluang mendapatkan pengalaman dan kemahiran dalam suasana kerja sebenar. Keadaan ini memerlukan pelajar menggunakan segala pengetahuan yang telah dipelajari bagi menyelesaikan masalah di tempat kerja. Ia juga akan mengembangkan dan mempertingkatkan lagi kemahiran yang diperlukan oleh pelajar terutamanya di bawah bimbingan dan latihan profesional dari kakitangan industri. Latihan industri juga merupakan peluang bagi graduan untuk menunjukkan bakat serta kebolehan supaya dapat memikat minat syarikat untuk menawarkan kerja setelah tamat pengajian nanti. Sehubungan dengan itu, latihan industri memainkan peranan sebagai titik persediaan bagi membolehkan seseorang pelajar itu menceburi diri dalam sesuatu profesion yang berkaitan dengan bidang yang dipilih.

Dari segi pihak industri/syarikat pula disamping tanggungjawab sosial, mereka juga memperolehi beberapa keuntungan hasil kerjasama strategik ini. Di antaranya ialah:

- Mendapat tenaga kerja sementara yang berpengetahuan dan berkemahiran dengan bayaran upah yang kecil. Ini kerana semasa pelajar menjalani latihan industri mereka hanya di bayar elaun yang jumlahnya adalah bergantung kepada pihak industri atau syarikat. Terdapat juga kes-kes di mana pelajar tidak di beri sebarang elaun.
- Berpeluang menilai prestasi dan potensi bakal pekerja mereka. Terdapat kes-kes di mana pihak industri/syarikat menawarkan peluang pekerjaan kepada pelajar yang pernah menjalani latihan industri di tempat mereka kerana tertarik dengan prestasi yang telah ditunjukkan oleh pelajar.

Institusi pendidikan tidak boleh bergerak dan berfungsi secara terpisah. Politeknik tidak boleh bergerak dengan sendirinya tanpa bantuan pihak lain. Dalam soal mempromosikan ciptaan pelajar-pelajarnya misalnya, politeknik boleh menghasilkan ciptaan dan inovasi produk yang bermutu dan berimpak tinggi. Namun ia masih memerlukan pihak industri untuk tujuan pengkomersialan produk. Jika tidak, hasil ciptaan di politeknik akan terbiar begitu saja dan perbelanjaan yang besar terhadap hasil rekacipta tidak berbaloi. Justeru, hubungan politeknik dengan industri mesti diperkukuhkan, malah digalakkan. Dengan menjemput pihak-pihak dari industri dan syarikat untuk terlibat sama dalam pertandingan rekacipta akan dapat menonjolkan bakat serta kebolehan pelajar-pelajar yang mana dengan secara tidak langsung akan menarik minat pihak industri/syarikat untuk mengambil graduan dari politeknik untuk bekerja dengan mereka.

Program Sangkutan Industri Pensyarah

Program Sangkutan pensyarah di industri boleh diertikan sebagai hadir secara fizikal bagi sesuatu tempoh tertentu di industri yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan atau rangkaian politeknik dan industri, memahami budaya kerja, progres, keperluan dan hala tuju industri. Program ini membolehkan ahli akademik mendapat pendedahan tentang suasana dan kehendak masa kini serta penggunaan teknologi di industri.

Menurut laporan "*Polytechnic Development Project – 'Employer Study'*" oleh IDP Education Australia dan National Center for Vocational Education Research (NCVER) pada tahun 1999, menyatakan tentang kekurangan pengalaman industri di kalangan pensyarah politeknik yang mana telah memberi kesan terhadap kualiti graduan politeknik. Laporan tersebut juga telah mencadangkan supaya pensyarah politeknik diberi peluang untuk mengikuti program sangkutan di industri yang bersesuaian dengan keperluan kursus di politeknik. Lanjutan daripada itu, program latihan dalam perkhidmatan yang merangkumi penempatan pensyarah di industri yang bersesuaian telah diperkenalkan. Mesyuarat Pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia (Bilangan 22 Tahun 1999) pada 14 Julai 1999 telah memberi kelulusan kepada Bahagian Pengurusan Politeknik untuk melaksanakan program sangkutan ke industri setiap tahun bagi pensyarah politeknik. Selepas tahun 1999, pelbagai kaedah dan penambahbaikan telah diperkenalkan dalam memperbaiki pelaksanaan program tersebut. Antaranya, mulai tahun 2006, program ini ditawarkan dalam dua sesi pengambilan setahun, iaitu pada bulan April dan Julai. Ini adalah bertujuan untuk memberi fleksibiliti kepada pensyarah untuk membuat perancangan serta memilih masa yang paling sesuai untuk menjalani latihan. Disamping itu juga dapat mengatasi isu pensyarah yang tidak mendapat pelepasan Ketua Jabatan atas alasan kekurangan pensyarah.

Program sangkutan merupakan hasil inisiatif usaha sama antara pihak Politeknik Merlimau dengan pihak majikan sektor swasta. Sasaran program ini adalah untuk memberi pendedahan latihan kepada staf bagi meningkatkan kemahiran mengikut keperluan industri. Diharap apabila tamat program nanti segala pengalaman serta pendedahan yang diperolehi akan meningkatkan lagi kecekapan dan kebolehan pensyarah yang mana secara tidak langsung akan mempengaruhi kualiti graduan yang akan keluar yang mana akan meningkatkan kebolehpasaran pelajar.

Seperti yang dinyatakan di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, isu pengangguran di kalangan siswazah sering dibangkitkan dan dikaitkan dengan ketidaksepadanan di antara kebolehan graduan IPT dengan kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri. Persepsi majikan masih wujud bahawa kualiti graduan universiti luar negara adalah lebih baik berbanding dengan graduan tempatan. Salah satu kaedah yang sangat berkesan untuk mengatasi sebarang salah tanggapan yang wujud di pihak industri serta untuk memperlihatkan kepada pihak industri ciri-ciri kecemerlangan, inovatif dan kreativiti yang telah diterapkan kepada graduan di dalam pembelajaran mereka di politeknik adalah melalui program sangkutan pensyarah ini. Program ini adalah satu saluran yang penting untuk memaklumkan kepada pihak industri tentang

aktiviti-aktiviti pelajar, anugerah-anugerah serta pengiktirafan yang diterima oleh graduan dan politeknik, dan sebagainya selain daripada input daripada pihak industri yang dapat memperkasakan lagi sistem pembelajaran di politeknik. Pengukuhan kerjasama di antara politeknik dan industri adalah di antara faktor penting untuk meningkatkan lagi daya saing politeknik di dalam bidang tertentu. Input daripada pihak industri tentang amalan terkini, teknologi semasa, kepakaran yang diperlukan dan sebagainya adalah sangat penting untuk pembangunan dan kelestarian bidang akademik.

PERKONGSIAN PERALATAN

Politeknik mempunyai kekangan dan had yang membataskan keupayaannya dalam menyediakan kemahiran dan pengetahuan tentang teknologi terkini yang lebih maju kepada graduan. Peruntukan kewangan yang terhad menyebabkan kebanyakan teknologi dan peralatan yang digunakan adalah terkebelakang berbanding teknologi semasa yang sentiasa giat berkembang. Infrastruktur pengajaran dan pembelajaran hanya cuma dapat memberikan pengetahuan dan kemahiran asas sahaja. Oleh yang demikian, hubungan kerjasama dengan industri sangat diperlukan agar pensyarah dan pelajar dapat didedahkan dengan teknologi serta peralatan termaju yang digunakan dalam industri.

Menurut Albrech (2001), pekerja yang berpengetahuan akan dapat mengaplikasikan dan menggabungkaitkan idea, konsep, maklumat dan teknologi kepada hasil kerja yang produktif dan berkualiti. Sejak 1950, daya persaingan berubah pada setiap 10 tahun. Ini menyebabkan paradigma pengurusan turut mengalami perubahan. Pada 1960-an, seluruh dunia menggunakan kos sebagai daya persaingan. Keadaan ini berubah kepada kualiti pada 1970-an dan isu globalisasi mula dipertengahkan pada 1980-an. Pada hari ini, dunia yang menuju abad ke-21 pula menghadapi persaingan pengetahuan yang menjadi alat kelebihan bersaing (Knowledge Management-Harvard Business Review, 2000). Peter Drucker (1993) pula menyatakan bahawa dalam ekonomi baru, pengetahuan akan menjadi faktor pengeluaran yang utama dan bermakna, dengan adanya pengetahuan, faktor pengeluaran yang lain seperti modal, tenaga buruh dan tanah dapat diperolehi dengan mudah (Beijerse, 1999). Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa pergerakan syarikat industri telah berubah ke era pengetahuan dengan konsep bahawa aset intelektual dan pengetahuan adalah faktor yang paling menguntungkan. Kuasa pengetahuan menjadi tumpuan ekonomi pada hari ini. Becker (1975), berpendapat "Orang berbeza dalam pendidikan juga berbeza dalam banyak ciri-ciri yang menyebabkan secara sistematik pendapatan mereka juga berbeza".

PENUTUP

Kebolehpasaran graduan adalah menjadi salah satu daripada agenda kritikal yang telah digariskan dalam Pelan Perancangan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Dewasa ini kualiti akademik bukanlah satu-satunya kriteria utama yang menjamin graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Kini pihak majikan lebih selektif di mana mereka melihat dan menilai graduan secara holistik yang merangkumi imej, kemampuan berkomunikasi, kebolehan berdikari, kemahiran sendiri yang pelbagai dan kukuh serta kebolehan untuk menyesuaikan diri terhadap persekitaran.

Dalam suasana ekonomi yang tidak menentu pada hari ini, adalah tidak mencukupi bagi seseorang graduan untuk menamatkan pengajian dengan hanya memiliki kelulusan akademik yang tinggi semata-mata. Graduan dituntut untuk memiliki kemahiran lain sebagai nilai tambah bagi meningkatkan prospek kebolehpasarannya. Sejak beberapa tahun lalu sektor pembuatan yang merupakan sektor terbesar negara telah beransur-ansur digantikan oleh sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan memerlukan mereka yang tidak sahaja hanya memiliki pengetahuan teknikal yang sesuai tetapi juga mereka yang memiliki kemahiran insaniah seperti kemahiran interpersonal, komunikasi, boleh bekerja secara berpasukan, menjana sikap positif dan pemikiran yang kreatif, matang dan berorientasi perniagaan. Penglibatan pihak industri/syarikat sangatlah penting bagi memastikan segala perancangan dan program yang diatur dapat mencapai matlamat.

Pihak industri seharusnya bersama-sama memainkan peranan yang lebih aktif dalam menunaikan tanggungjawab sosial untuk melatih graduan bagi mempersiapkan diri sebelum memasuki pasaran kerja. Bagi memastikan keberkesanan jaringan kolaborasi dengan pihak industri, pihak politeknik perlu memainkan peranan proaktif dan membuat pemantauan secara berterusan terhadap program-program yang dilaksanakan. Dengan kerjasama dan peranan yang dimainkan oleh pihak industri dan politeknik serta disokong oleh KPT, masalah kebolehpasaran graduan akan dapat diatasi.

RUJUKAN:

- Ahmad Muhaimin M, Jamalluddin H, Baharuddin A. (2008). Kelemahan penguasaan kemahiran di kalangan pelajar: pedagogi dan teknologi sebagai pendekatan penyelesaian. dalam: Seminar Penyelidikan Pendidikan Pasca Ijazah 2008, 25-27 November 2008, Universiti Teknologi Malaysia.
- Albrech, K. (2001). "The true information survival skill" training and development", pp 24-30.
- Azman bin Ahmad, (2007). Latihan Industri Membuka Peluang Pekerjaan Kepada Graduan Lulusan Politeknik Malaysia, Tesis.
- Becker, G. S. (1975). Human capital: A theoretical and empirical analysis with special reference to education. New York : Columbia University Press, National Bureau of Economic Research.
- Beijerse, R. P. (1999). "Questions in knowledge management: defining and conceptualising a phenomenon", Journal of Knowledge Management, Vol.3 (2), pp.94-109.
- Daya Saing Graduan Lulusan Tempatan Dengan Graduan Lulusan Luar Negara Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Kertas Konsep, Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN).
- Kajian Pengesanan Graduat Politeknik, 2009.
- "Knowledge Management-Harvard Business Review." 1st.ed. Taipei: Bookzone; 2000.Laporan 'Polytechnic Development Project - Employer Study' oleh IDP Education Australia dan National Center for Vocational Education Research (NCVER) tahun 1999.
- McC Campbell, A.S., Clare, L.M. and Gitters, S.H. (1999). 'Knowledge management: the new challenge for the 21st century', Journal of Knowledge Management, Vol. 3, No. 3, pp. 172-179.
- McDermott, R. and O'Rell, C. (2001). The New Challenge For The 21st Century." Journal of Knowledge Management. Vol. 3(3), 172-179.
- Pelan Tindakan Kementerian Pengajian Tinggi 2007-2010, 27 OGOS.
- Peter F. Drucker, (1993), The Effective Executive, Publisher: New York: HarperBusiness.
- Schultz, T. W. (1963). The economic value of education. New York: Columbia University Press.

DITERBITKAN OLEH:
UNIT PENERBITAN DAN BULETIN
JABATAN PENGAJIAN AM
POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA



POLITEKNIK
Merlimau



Jabatan Pengajian Politeknik